



## **Alam Flora Receives Exceptional Achievement Award for Environmental Performance**

Alam Flora Sdn. Bhd (Alam Flora) has once again demonstrated its dedication and expertise in environmental stewardship in sustainability by receiving the prestigious Exceptional Achievement Award for Environmental Performance at the Prime Minister's Hibiscus Award 2021/2022. This remarkable recognition showcases the company's unwavering commitment to excellence in creating a sustainable environment.

The award was presented to Alam Flora by YB Nik Nazmi Nik Ahmad, the esteemed Minister of Natural Resources, Environment, and Climate Change, during a recent ceremony. Encik Mohamad Fardaus Rahmat, General Manager of Human Capital, graciously accepted the award on behalf of the entire Alam Flora team.

"We are immensely grateful for the honour of receiving the Exceptional Achievement Award for Environmental Performance. This recognition is a testament to our steadfast commitment to excellence and our unwavering dedication to creating a sustainable environment," said Encik Mohamad Fardaus Rahmat.

Through the implementation of successful initiatives and educational programs, Alam Flora has been instrumental in raising awareness and promoting sustainable practices among the public.

This prestigious award not only recognizes Alam Flora's accomplishments but also serves as an inspiration to continue striving for excellence in environmental performance. The company remains committed to its mission of protecting the environment and creating a greener and more sustainable future.

## **Alam Flora Menerima Anugerah Pencapaian Luar Biasa untuk Kecemerlangan Alam Sekitar**

Alam Flora Sdn. Bhd (Alam Flora) sekali lagi menunjukkan dedikasi dan kepakarannya dalam penjagaan dan kelestarian alam sekitar selepas menerima Anugerah Pencapaian Luar Biasa yang berprestij untuk Kecemerlangan Alam Sekitar dalam *Prime Minister's Hibiscus Award 2021/2022*. Pengiktirafan luar biasa ini mempamerkan komitmen tidak berbelah bahagi syarikat terhadap kecemerlangan dalam mewujudkan persekitaran yang mampan.

Anugerah itu disampaikan kepada Alam Flora oleh YB Nik Nazmi Nik Ahmad, Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, dalam satu majlis yang diadakan baru-baru ini. Encik Mohamad Fardaus Rahmat, Pengurus Besar Modal Insan, dengan berbesar hati menerima anugerah tersebut bagi pihak Alam Flora.

"Kami amat berterima kasih atas penghormatan menerima Anugerah Pencapaian Luar Biasa bagi Kecemerlangan Alam Sekitar. Pengiktirafan ini adalah bukti komitmen teguh kami terhadap kecemerlangan dan dedikasi kami yang tidak berbelah bahagi untuk mewujudkan persekitaran lestari," kata Encik Mohamad Fardaus Rahmat.

Melalui pelaksanaan pelbagai inisiatif dan program pendidikan, Alam Flora telah memainkan peranan penting dalam meningkatkan kesedaran dan menggalakkan amalan lestari di kalangan orang ramai.

Anugerah berprestij ini bukan sahaja mengiktiraf pencapaian Alam Flora tetapi juga menjadi inspirasi untuk terus berusaha mencapai kecemerlangan dalam prestasi alam sekitar. Alam Flora turut komited terhadap misinya untuk melindungi alam sekitar dan mewujudkan masa depan yang lebih hijau dan mampan.